	- No. 1, Jalan Penjara, 01000 Kangar - No. 49, Tingkat Bawah, Simpang 3, Kangar - No. 49, Tingkat Atas, Simpang 3, Kangar - No. 45, Lorong Seruling, Kangar - No. 47, Tingkat Atas, Lorong Seruling, Kangar - No. 53, Lorong Seruling, Kangar - No. 49, Lorong Seruling, 01000 Kangar - No. 51, Lorong Seruling, 01000 Kangar - No. 47, Lorong Seruling, 01000 Kangar - No. 50, Jalan Penjara, 01000 Kangar - No. 198/2 (Tingkat Atas), Jln. Kangar Arau, Repoh, 01000 Kangar - No. 198/2 (Tingkat Bawah), Jln. Kangar Arau, Repoh, 01000 Kangar - No. 198/1 (Tingkat Bawah), Jln. Kangar Arau, Repoh, 01000 Kangar - No. 198/1 (Tingkat Atas), Jln. Kangar Arau, Repoh, 01000 Kangar - No. 8, Jalan Panglima, Kangar - No. 10, Jalan Panglima, 01000 Kangar - No. 9, Jalan Padang Katong, Kangar - Gerai Makan, Jalan Kangar-Arau, Repoh			

Bil.	Jenis Hartanah	Penyelenggaraan	Cukai	Insurans
	• Blok S1—(Lot1-2), Sungai Chuchuh • Blok S1—(Lot3-4), Sungai Chuchuh • Blok S1—(Lot5-7), Sungai Chuchuh • Lot 1&2 K-Park			
5.	Tanah Arau	12,000.00		
6.	Tanah Mukim Kechor	50,000.00		
7.	Tanah Bendang Tok Kaya	—		
	JUMLAH	612,000.00	100,000.00	100,000.00
	JUMLAH BESAR		812,000.00	

AKTIVITI 5: B33203 PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN KENDERAAN

Objektif—Peruntukan bagi penyelenggaraan kenderaan MAIPs (10 Unit) meliputi, Penyelenggaraan mekanikal, insurans, bayaran tambah nilai tol, khidmat pencucian kenderaan Majlis. Peruntukan yang disediakan bagi berjumlah RM130,000.00.

Peruntukan yang disediakan bagi bayaran tambah nilai tol sebanyak RM5,000 dan RM10,000 bagi selenggara setiap kenderaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	52,775.00	112,000.00	130,000.00

Bil.	Jenis Kenderaan	Jumlah (RM)
1.	Toyota Fortuner (RK4422)	
2.	Nissan V-Trail (RG7473)	
3.	Toyota Hilux (RL4484)	
4.	Toyota Hiace (RL4422)	
5.	Toyota Hiace Bank Rakyat (RL4224)	

Bil.	Jenis Kenderaan	Jumlah (RM)
6.	Toyota Vios (RL9849)	
7.	Mitshubishi Pajero (RF5453)	
8.	Proton Wira (RF5453)	
9.	Proton Pregio (W240N)	
10.	Produa Kembara (AES9969)	130,000.00

AKTIVITI 6: B33204 PENGANGKUTAN DAN PERJALANAN

Objektif—Peruntukan ini disediakan bagi tuntutan kakitangan Majlis menjalankan tugas-tugas rasmi yang diarahkan dari semasa ke semasa. Tugas-tugas rasmi dalam dan luar negeri yang dibenarkan bagi menuntut pengangkutan dan perjalanan adalah:

- Mesyuarat
- Seminar/Kursus
- Bengkel
- Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa

Tuntutan ini termasuk makanan dan minuman, penginapan, bayaran tambang keretapi, elaun perjalanan, bayaran tambang bas dan teksi, bayaran tambang kapal dan bot, bayaran kapal terbang, bayaran-bayaran lain seperti, tol, bayaran meletak kenderaan.

Anggaran perbelanjaan bagi Pengangkutan dan Perjalanan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM200,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	39,690.00	800,000.00	200,000.00

AKTIVITI 7: B33205 BAYARAN PERKHIDMATAN AUDIT

Objektif—Tujuan Peruntukan ini diadakan ialah untuk membayar Perkhidmatan Audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Peruntukan sebanyak RM25,000 bagi tahun.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	18,051.00	20,000.00	25,000.00

AKTIVITI 8: B33207 PERALATAN PEJABAT

Objektif—Peruntukan ini disediakan bagi memastikan kakitangan MAIPs dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Perbelanjaan untuk kod ini disediakan sebanyak RM300,000 bagi menampung keperluan peralatan pejabat Majlis yang bagi tahun 2018. Perbelanjaan ini mengambil kira keperluan semasa dan tambahan kakitangan Majlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	6,122.00	195,000.00	300,000.00

AKTIVITI 9: B33208 ELAUN LEBIH MASA

Objektif—Objek ini hendaklah digunakan untuk merekod bayaran-bayaran berkenaan dengan kerja yang dilakukan di luar waktu pejabat. Peruntukan yang disediakan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM100,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	44,332.00	52,600.00	100,000.00

AKTIVITI 10: B33209 BEKALAN PEJABAT

Objektif—Objek ini merekodkan perbelanjaan alat tulis pejabat dan komputer, surat khabar, buku, buku sebaran, majalah, *warta* kerajaan, buku bil, buku-buku panduan, laporan-laporan jabatan dan bahan-bahan pencetak yang lain serta bekalan am yang lain serta cenderahati MAIPs.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	101,330.96	300,000.00	500,000.00

Anggaran Perbelanjaan bagi Bekalan Pejabat bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM500,000.00.

AKTIVITI 11: B33210 PERHUBUNGAN DAN POS

Objektif—Objek ini merekodkan perbelanjaan bagi perhubungan dan pos yang digunakan Majlis sepanjang tahun. Perbelanjaan termasuk bayaran pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspres. Termasuk telefon, faks, internet, perhubungan teleks, telegraf, kabel, wifi dan satelit serta lain-lain perhubungan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	57,660.00	80,000.00	80,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi Perhubungan dan Pos bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM80,000.00.

AKTIVITI 12: B33211 KURSUS DAN SEMINAR

Objektif—Objek ini merekodkan semua jenis perkhidmatan berkenaan perbelanjaan untuk mengadakan kursus dan seminar yang dianjurkan oleh MAIPs dan juga kursus yang dihadiri oleh kakitangan MAIPs sepanjang tahun. Perbelanjaan ini untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi kakitangan MAIPs.

Bil.	Kursus	Jumlah
1.	Kursus Kakitangan MAIPs (2 kali setahun)	100,000.00
2.	Kursus Peningkatan Kemahiran	50,000.00
3.	Lain-lain Bengkel	50,000.00
	JUMLAH	200,000.00

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	135,920.00	158,590.00	200,000.00

AKTIVITI 13: B33212 RAWATAN PERUBATAN

Objektif—Kod ini merekodkan perbelanjaan rawatan perubatan yang melibatkan kakitangan Majlis melalui Klinik Panel yang dilantik oleh Majlis. Bayaran sebanyak RM2,000.00/seorang bagi setahun. Klinik yang terlibat ialah:

- Klinik Menon
- Klinik Hj Othman

- Klinik Faizah
- Poliklinik Dr Azhar dan Rakan
- Klinik Ehsan
- Unimap Care
- Klinik Remedic
- Klinik Pergigian Remedic

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	136,249.00	150,000.00	150,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi Rawatan Perubatan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM150,000.00.

AKTIVITI 14: B33213 PELBAGAI PERBELANJAAN

Objektif—Kod ini merekodkan perbelanjaan semua bekalan kecuali penyelenggaraan dan pembaikan. Bayaran yang dibuat adalah bersifat segera. Semua pembelian barang-barang luak yang disenaraikan tanpa mengambil kira harga setiap unit. Bayaran ini juga disediakan kepada pelajar praktikal.

Peruntukan tahunan adalah sebanyak RM50,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	37,118.00	50,000.00	50,000.00

AKTIVITI 15: B33214 PEMBELIAN KENDERAAN

Objektif—Kod ini merekodkan perbelanjaan untuk pembelian kenderaan tambahan bagi memudahkan kakitangan bergerak dalam membuat kerja-kerja pencarian asnaf mahupun untuk kegunaan membawa asnaf ke program dan lawatan. Pembelian kenderaan ini diperuntukkan berdasarkan keperluan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	250,000.00	10.00

Perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token sahaja berjumlah RM10.00.

AKTIVITI 16: B33215 AKTIVITI/LAWATAN SAMBIL BELAJAR

Objektif—Kod ini merekodkan program dan aktiviti yang dirancang untuk menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman bagi kakitangan Majlis. Peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM150,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	1,140.00	80,000.00	150,000.00

AKTIVITI 17: B33216 UTILITI

Objektif—Kod ini merekodkan semua bayaran bagi air, elektrik dan gas serta utiliti lain (Indah Water) yang berkaitan. Bayaran ini merangkumi Pejabat MAIPs, Dewan Kuliyyah, dan Masjid Alwi dan Dataran Masjid Alwi.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	337,020.00	250,000.00	250,000.00

AKTIVITI 18: B33217 SUMBANGAN BERKANUN KAKITANGAN

Objektif—Kod ini dibekalkan sekadar token sahaja.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0	0	10.00

AKTIVITI 19: B33218 FAEDAH-FAEDAH KEWANGAN LAIN

Objektif—Perbelanjaan termasuk bayaran balik perhubungan dan utiliti, bayaran balik yang lain termasuk perbelanjaan untuk passport, lesen memandu, yuran tahunan keahlian badan-badan profesional dan yuran kursus. Imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi, pelbagai pemberian termasuk elaun perkakas, elaun pakaian, elaun kasut, imbuhan khidmat pekerja cemerlang dan elaun gantian cuti dan sara ubat.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	52,619.00	40,000.00	50,000.00

Peruntukan ini dianggarkan sebanyak RM50,000.00.

AKTIVITI 20: B33219 PERKHIDMATAN YANG DIBELI

Objektif—Bayaran ini bertujuan bagi membiayai sebarang perbelanjaan melibatkan Perkhidmatan yang dibayar oleh pihak MAIPs meliputi Perkhidmatan perundangan, penilaian dan pengurusan harta, pakar runding dan, perkhidmatan latihan kakitangan termasuk perkhidmatan pensyarah, perkhidmatan komputer dan pemprosesan data, perkhidmatan jututera, perkhidmatan arkitek, dan juruukur/Perkhidmatan bantuan teknikal, fotografi, blue printing dan filem mikro. Perkhidmatan pengeluaran dan penyebaran tayangan gambar dan video, pengiklanan, perhubungan awam, perkhidmatan perlindungan dan keselamatan, perkhidmatan agen buruh, perkhidmatan menyetor dan menyimpan di gudang, penyediaan makanan, perkhidmatan penterjemahan dan penaksiran. Perkhidmatan dobi, perkhidmatan pengawal keselamatan, perkhidmatan pembersihan bangunan dan perkhidmatan yang lain.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	409,959.00	600,000.00	1,000,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi perkhidmatan Yang Dibeli bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM1,000,000.00.

AKTIVITI 21: B33220 PERCETAKAN DAN MENJILID YANG DIBELI

Objektif—Objek ini merekodkan semua kos berkenaan dengan perkhidmatan percetakan dan penerbitan, percetakan borang, khat dan kepala surat jabatan bagi kegunaan jabatan dan lain-lain percetakan yang berkaitan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	217,895.70	200,000.00	250,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi Percetakan dan Menjilid Yang Dibeli bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM250,000.00.

AKTIVITI 22: B33221 SEWAAN

Objektif—Objek ini merekodkan semua bayaran berkenaan dengan sewaan atau pajakan tanah, bangunan, kemudahan dan alat kelengkapan, sewaan alat kelengkapan elektrik dan elektronik serta sistem yang digunakan dan lain-lain sewaan yang berkaitan.

Termasuk di bawah sewaan kenderaan ialah sewaan kenderaan untuk pengangkutan orang dan barang-barang di mana bayaran sekaligus dibuat kepada penyewa tanpa apa-apa kos tambahan berhubung dengan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pengangkutan seperti insurans, bayaran kos buruh dan sebagainya.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	178,230.00	150,000.00	300,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi Sewaan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM300,000.00.

AKTIVITI 23: B33222 KERAJIAN, HOSPITALITI DAN HONORARIUM

Objektif—Kod ini merekodkan semua perbelanjaan untuk kerajaan, hospitaliti dan honorarium untuk semua pihak termasuk jabatan sendiri dan pihak luar.

Kerajaan dan hospitaliti dalam bentuk pengangkutan, penginapan, makanan dan minum yang dibiayai oleh kerajaan untuk tujuan meraikan dan memberi hospitaliti kepada para jemputan termasuk pakar-pakar dan pegawai-pegawai pihak swasta yang dijemput untuk memberi taklimat, ceramah, atau seminar, hendaklah direkodkan di bawah kod ini.

Kerajaan pejabat adalah termasuk minuman ringan dalam pejabat untuk perbincangan dengan pertubuhan dan agensi kerajaan yang lain.

Honorarium, sagu hati dan hadiah adalah termasuk perbelanjaan untuk memberi 'token' untuk pegawai-pegawai yang bersara dan sagu hati untuk tetamu dan pensyarah yang dijemput oleh jabatan kerajaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	12,202.00	20,000.00	20,000.00

AKTIVITI 24: B33223 PETROLEUM, BAHAN KELUARAN PETROLEUM DAN BAHAN PEMBAKAR

Objektif—Perbelanjaan untuk minyak petrol, diesel, minyak tanah, minyak pembakar, minyak pelincir dan grease, gas, bitumen, keluaran petroleum dan bahan pembakar yang lain bagi kenderaan MAIPs.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	26,341.00	100,0000.00	100,000.00

Anggaran perbelanjaan ini bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM100,000.00.

AKTIVITI 25: B33224 BARANG-BARANG PAKAIAN

Objektif—Perbelanjaan ini disediakan untuk pakaian seperti baju dan seluar, termasuk pakaian seragam, pakaian yang lain seperti pakaian rasmi, seragam lain serta pakaian program disertakan oleh MAIPs.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	23,143.00	50,000.00	50,000.00

Anggaran perbelanjaan Barang-barang Pakaian bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM50,000.00.

AKTIVITI 26: B33225 MESYUARAT MAJLIS DAN JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN

Objektif—Peruntukan ini melibatkan perbelanjaan Mesyuarat Majlis dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh MAIPs iaitu:

1. Mesyuarat Majlis
2. Jawatankuasa Kewangan
3. Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan
4. Jawatankuasa ICT
5. Jawatankuasa Perjawatan
6. Jawatankuasa Zakat
7. Jawatankuasa Wakaf
8. Jawatankuasa Adat dan Istiadat Melayu
9. Jawatankuasa Fatwa
10. Jawatankuasa Tebus Pusaka
11. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang lain

Bayaran ini termasuklah elaun mesyuarat, penginapan dan pengangkutan serta makan dan minum mesyuarat. Anggaran perbelanjaan ialah sebanyak RM300,000.00

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	211,258.00	250,000.00	300,000.00

AKTIVITI 27: B33227 PEMBELIAN HARTA ZAKAT

Objektif—Peruntukan ini adalah Pembelian Harta Zakat yang diluluskan oleh Majlis melibatkan pembelian tanah dan bangunan seperti berikut:


Nama Projek	Jumlah
Pembangunan Dialisis	4,000,000.00
Pembelian Hartanah	5,000,000.00
Pembangunan Darul Hikmah	16,000,000.00
JUMLAH	25,000,000.00

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	4,655.00	25,000,000.00	25,000,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM25 juta.

ASNAF MUALLAF



CARTA 9

OBJEKTIF

Membantu memperteguhkan penghayatan Islam kepada Muallaf dan orang bukan Islam ada harapan yang ingin dijinakkan hati kepada Islam.

PELANGGAN

Golongan Muallaf yang telah memeluk Islam dan bukan Islam yang ingin dijinakkan hati kepada Islam.

STRATEGI

Berusaha memberikan bantuan dalam menggalakkan proses pengislaman, pendidikan Muallaf dan mempromosikan Islam kepada bukan Islam selain membantu Muallaf yang memerlukan sumbangan dalam kehidupan.

RINGKASAN PERBELANJAAN ASNAF MUALLAF

Kod Hasil	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 RM
KUMPULAN WANG ZAKAT (100)	
B34101 PERKIM	350,000.00
B34102 Bantuan Hari Raya	210,000.00
B34103 Bantuan Berkhatan	12,000.00
B34104 Saguhati Penceramah Fardu Ain	140,000.00
B34105 Sumbangan Motivasi Memeluk Islam	210,000.00
B34106 Pembiayaan Ke Pusat Pengajian	70,000.00
B34107 Pengurusan Rumah Perlindungan	230,000.00
B34108 Barangan Keperluan Muallaf (Kit Muallaf)	14,000.00
B34109 Kursus/Seminar/Bengkel dan Lawatan	150,000.00
B34110 Aktiviti Muallaf MAIPs	100,000.00
B34114 Program Pengukuhan dan Pemulihan Akidah	70,000.00
B34115 Bantuan Sara Hidup	100,000.00

Kod Hasil	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 RM
B34116 Bantuan Sara Hidup (Bulanan)	10.00
B34118 Bantuan Baik Pulih Rumah	200,000.00
B34119 Bantuan Bekalan Elektrik/Air	40,000.00
B34120 Bantuan Perubatan	30,000.00
B34121 Bantuan Persekolahan Menengah/Rendah	30,000.00
B34122 Bantuan Pakaian Sekolah	10.00
B34123 Aktiviti Dakwah dan Kemasyarakatan MAIPs	3,000,000.00
B34124 Dakwah kepada Bukan Islam	30,000.00
B34125 Agihan Penerbitan Buku	140,000.00
B34126 Ta'wun Muallaf	25,000,000.00
B34127 Agihan Perlindungan	10.00
JUMLAH	30,126,030.00

JUSTIFIKASI PERBELANJAAN

PROGRAM 4: PEMANTAPAN AGIHAN ASNAF MUALLAF

AKTIVITI 1: B34101 PERKIM

Objektif—Peruntukan ini diberikan kepada persatuan yang menguruskan Saudara Baru seperti PERKIM. Peruntukan disediakan bagi belanja pengurusan persatuan dan menjalankan aktiviti yang bersesuaian dengan kebajikan Saudara Baru.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	97,185.00	200,000.00	350,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM350,000.00.

AKTIVITI 2: B34102 BANTUAN HARI RAYA

Objektif—Membantu golongan Muallaf dalam bentuk kewangan bagi meringankan bebanan kewangan mereka meraikan hari raya.

Jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM300/seorang.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	50,200.00	100,000.00	210,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM210,000.00.

Jumlah Penerima	Jumlah (RM)	Jumlah Setahun (RM)
700	300	210,000.00
		210,000.00

AKTIVITI 3: B34103 BANTUAN BERKHATAN

Objektif—Sumbangan pembiayaan berkhatan kepada Saudara Baru selepas memeluk Islam melalui Klinik Panel yang dilantik oleh Majlis. Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM12,000.00

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	12,000.00	12,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM12,000.00.

Jumlah Penerima	Jumlah (RM)	Jumlah Setahun (RM)
12	1000	12,000.00
		12,000.00

AKTIVITI 4: B34104 SAGUHATI PENCERAMAH FARDHU AIN

Objektif—Peruntukan ini melibatkan seramai 20 orang penceramah Fardhu Ain ditugaskan untuk mengajar Saudara Baru sebanyak 4 kali sebulan dengan kadar RM50.00 bagi setiap kali kelas. Bagi Saudara Baru juga diperuntukkan saguhati wang tambang bagi mereka menghadiri kelas mengikut kadar kelayakan yang ditentukan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	137,240.00	140,000.00	140,000.00

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM140,000.00.

AKTIVITI 5: B34105 SUMBANGAN MOTIVASI MEMELUK ISLAM

Objektif—Sumbangan diberikan kepada setiap Saudara Baru yang memeluk Islam di Negeri Perlis. Bantuan diberikan melalui bentuk kewangan iaitu RM500 dan RM2,500 selepas 3 bulan. Bayaran telah diagihkan melalui Jabatan Agama Islam Negeri Perlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	162,900.00	210,000.00	210,000.00

Peruntukan keseluruhan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM210,000.00.

Jumlah Penerima	Jumlah (RM)	Jumlah Setahun (RM)
70	3000	210,000.00
		210,000.00

AKTIVITI 6: B34106 PEMBIAYAAN KE PUSAT PENGAJIAN

Objektif—Sumbangan ini diberikan untuk meringankan beban kepada Saudara Baru memeluk Islam untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas Fardhu Ain. Pembiayaan akan diberikan selama 3 bulan di pusat-pusat pengajian di mana mereka akan diberikan tempat tinggal dan semua kos pembiayaan akan ditanggung oleh Majlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	24,500.00	70,000.00	70,000.00

Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM70,000.00.

AKTIVITI 7: B34107 RUMAH PERLINDUNGAN & PENGURUSAN

Objektif—Peruntukan ini disediakan untuk membantu pengurusan rumah perlindungan bagi Saudara Baru menjalankan kerja-kerja pentadbiran.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	230,000.00	230,000.00

Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM230,000.00.

AKTIVITI 8: B34108 BARANGAN KEPERLUAN ASAS (KIT MUALLAF)

Objektif—Peruntukan ini dikhaskan untuk pembelian kit bagi saudara baru selepas memeluk Islam. Barangan keperluan asas ini penting untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan perubahan dan disamping menambah pengetahuan mengenai Islam.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	14,000.00	14,000.00

Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM14,000.00.

AKTIVITI 9: B34109 KURSUS/SEMINAR/BENGKEL/LAWATAN

Objektif—Kod ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kepada Saudara Baru mengenai keindahan Islam serta menguatkan keimanan mereka.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	73,380.00	150,000.00	150,000.00

AKTIVITI 10: B34110 AKTIVITI MUALLAF MAIPS

Objektif—Kod Aktiviti Muallaf ialah merekod segala aktiviti berkaitan Saudara Baru yang diuruskan oleh Majlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	140,000.00	100,000.00

Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM100,000.00.

AKTIVITI 11: B34114 PENGUKUHAN DAN PEMULIHAN AKIDAH

Objektif—Kod ini merekodkan bantuan Agihan diberikan kepada golongan Asnaf/Saudara Baru yang berhadapan ancaman akidah, atau berada dalam situasi keliru dengan hakikat agama dan memerlukan Agihan untuk pemulihan akidah. Bantuan berbentuk kewangan dan barangan akan diberikan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	129,845.00	70,000.00	70,000.00

Peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM70,000.00.

AKTIVITI 12: B34115 BANTUAN SARA HIDUP

Objektif—Agihan ini bertujuan membantu golongan muallaf dalam bentuk kewangan secara ‘one off’ bagi meringankan bebanan kewangan mereka.

Bantuan akan dikeluarkan mengikut kelayakan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Agihan Zakat Asnaf. Kadar ‘Haddul Kifayah’ yang akan diambil kira dan hanya yang betul-betul layak sahaja akan diberikan bantuan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	17,936.00	100,000.00	100,000.00

Peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM100,000.00.

AKTIVITI 13: B34116 BANTUAN SARA HIDUP (BULANAN)

Objektif—Agihan ini bertujuan membantu golongan Muallaf dalam bentuk kewangan bulanan bagi meringankan bebanan kewangan mereka.

Bantuan akan dikeluarkan mengikut kelayakan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Agihan Zakat Asnaf. Kadar ‘Haddul Kifayah’ yang akan diambil kira dan hanya yang betul-betul layak sahaja akan diberikan bantuan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	3,000.00	50,000.00	10.00

Perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token berjumlah RM10.00.

AKTIVITI 14: B34118 BANTUAN BAIK PULIH RUMAH

Objektif—Membantu Muallaf dari segi kewangan bagi membaiki rumah melalui agihan MAIPs sepenuhnya.

Bayaran dibuat kepada kontraktor yang berdaftar dengan pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Anggaran pembaikan rumah adalah tidak melebihi RM38,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	200,000.00	200,000.00

Jumlah yang diperuntukkan untuk Asnaf Muallaf adalah sebanyak RM200,000.00.

AKTIVITI 15: B34119 BEKALAN ELEKTRIK/AIR

Objektif—Agihan ini bertujuan membantu mereka yang tidak berkemampuan bagi pendawaian elektrik dan pemasangan bekalan air termasuk deposit elektrik dan air. Agihan dibuat dengan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan tidak melebihi RM5,000.00.

Bagi kes-kes luar jangka seperti kedudukan dan lokasi rumah yang jauh dari punca bekalan maka tambahan bantuan berdasarkan kos sebenar.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	40,000.00	40,000.00

Anggaran peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM40,000.00.

Jumlah Penerima	Jumlah (RM)	Jumlah Setahun (RM)
8	5000	40,000.00
		<u>40,000.00</u>

AKTIVITI 16: B34120 BANTUAN PERUBATAN

Objektif—Agihan ini bertujuan membantu mereka yang mengalami kesulitan akibat sesuatu kesakitan atau kecacatan. Agihan turut diberikan untuk pembelian ubat, peralatan sokongan dan tambang bagi rawatan di luar Perlis. Membantu pesakit yang tidak mampu menampung pembiayaan kos perubatan di mana-mana pusat perubatan kerajaan. Kes yang dirujuk ke pusat perubatan swasta oleh pusat perubatan kerajaan, agihan boleh diberikan berdasarkan pertimbangan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	30,000.00	<u>30,000.00</u>

Jumlah peruntukan Bantuan Perubatan untuk Asnaf Muallaf adalah sebanyak RM30,000.00.

AKTIVITI 17: B34121 BANTUAN PERSEKOLAHAN RENDAH/MENENGAH

Objektif—Bantuan ini diberikan untuk membantu Asnaf Muallaf yang menghadapi masalah dan memerlukan Agihan kewangan bagi menguruskan persekolahan anak-anak atau tanggungan di peringkat sekolah rendah atau menengah. Bantuan Kewangan atau kelengkapan diberikan berdasarkan keperluan pemohon.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	30,000.00	<u>30,000.00</u>

Jumlah peruntukan untuk Asnaf Muallaf adalah sebanyak RM30,000.00.

Jumlah Penerima	Jumlah (RM)	Jumlah Setahun (RM)
150	200	30,000.00
		<u>30,000.00</u>

AKTIVITI 18: B34122 BANTUAN PAKAIAN SEKOLAH

Objektif—Membantu Asnaf Muallaf yang menghadapi masalah dan memerlukan agihan kewangan untuk membeli pakaian sekolah untuk anak-anak atau tanggungan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	30,000.00	10.00

Perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token sahaja berjumlah RM10.00.

AKTIVITI 19: AKTIVITI DAKWAH DAN KEMASYARAKATAN MAIPs (MUALLAF)

Objektif—Peruntukan ini disediakan untuk menjalankan segala aktiviti dakwah melibatkan asnaf muallaf dengan kerjasama NGO-NGO Muallaf seperti berikut:

Penerima	Jumlah (RM)
Hidayah Center Foundation	100,000.00
Outreach ABIM	100,000.00
Global Unity	100,000.00
IPSI	100,000.00
Multiracial Reverted Muslim	100,000.00
Interactive Dakwah Training	100,000.00
Yayasan Al Khadeem	100,000.00
Nadwah Muallaf	2,300,000.00
	<u>3,000,000.00</u>

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	1,168,970.00	2,000,000.00	3,000,000.00

AKTIVITI 20: B34124 DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM

Objektif—Agihan diberikan kepada golongan bukan Islam yang berpotensi dijinakkan hati mereka untuk menerima dakwah Islam.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	10,000.00	30,000.00

Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM30,000.00.

AKTIVITI 21: B34125 AGIHAN PENERBITAN BUKU

Objektif—Peruntukan bagi kod ini merujuk kepada menerbit atau menyediakan buku mengenai kefahaman Agama Islam untuk diagihkan kepada Asnaf Muallaf. Peruntukan ini disediakan kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis berjumlah RM140,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	140,000.00	140,000.00

AKTIVITI 22: B34126 TAAWUN MUALLAF

Objektif—Peruntukan ini disediakan berdasarkan agihan yang dibuat mengikut permohonan organisasi yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Agihan dibuat sebanyak 50% daripada kutipan zakat dengan peruntukan RM25,000,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	14,993,497.00	20,000,000.00	25,000,000.00


AKTIVITI 23: B34127 AGIHAN PERLINDUNGAN

Objektif—Peruntukan ini disediakan untuk membantu memberikan perlindungan bagi saudara baru bagi mendapatkan tempat berteduh buat sementara waktu.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	10.00	10.00

Perbelanjaan ini dikekalkan hanya sebagai token sahaja RM10.00.

ASNAF AR RIQAB

CARTA 10

OBJEKTIF

Membantu masyarakat muslim bagi membebaskan dari belunggu perhambaan dan belunggu kejahilan.

PELANGGAN

Golongan miskin, mudah miskin dan golongan pelajar.

STRATEGI

Berusaha memberikan bantuan untuk membebaskan masyarakat belunggu perhambaan dan belunggu kejahilan.

RINGKASAN PERBELANJAAN ASNAF AR RIQAB

Kod Hasil	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 RM
KUMPULAN WANG ZAKAT (100)	
B35101 Hamba Yang Hendak Memerdekakan	10.00
B35102 Dermasiswa Penuntut Luar Negara	1,075,000.00
B35103 Bantuan Serta Merta IPT Dalam dan Luar Negara	3,925,000.00
B35104 Bantuan Penuntut Dalam Perlis (KUIPs)	10,500,000.00
B35105 Projek Sentuhan Kasih—JPN	100,000.00
B35106 Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan Warga Tua	100,000.00
B35107 Bantuan Kecemasan	50,000.00
B35108 Perkampungan Asnaf MAIPs Batu Bertangkup	10.00
B35109 Ta'awun Ar Riqab	25,000,000.00
B35110 Program Kecemerlangan Pelajar Asnaf	1,000,000.00
JUMLAH	41,750,020.00

JUSTIFIKASI PERBELANJAAN

PROGRAM 5: PEMBANGUNAN ASNAF RIQAB

AKTIVITI 1: B35101 HAMBA YANG HENDAK MEMERDEKAKAN

Objektif—Membantu masyarakat muslim bagi membebaskan dari belenggu perhambaan dan belenggu kejahilan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	10.00	10.00

Perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token berjumlah RM10.00.

AKTIVITI 2: B35102 DERMASISWA PENUNTUT LUAR NEGARA

Objektif—Pemberian berbentuk kewangan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Luar Negara di Timur Tengah pengkhususan kepada bidang Pengajian Islam dan lain-lain bidang yang berkaitan serta diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Pelajar-pelajar berkenaan yang tidak mendapat tajaan daripada mana-mana pihak.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	441,200.00	865,000.00	1,075,000.00

Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Jumlah (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Catatan
Sarjana	8	5,000.00	40,000.00	Berdasarkan bil. Tesis tidak melebihi RM5,000
Ijazah	90	6,000.00	540,000.00	Mesir, Syria, Yaman, Sudan
Ijazah	30	6,000.00	180,000.00	Jordan
Ijazah	30	2,500.00	75,000.00	Mengulang kali pertama
Ijazah	40	6,000.00	240,000.00	Tambahan Yuran Bagi Pelajar Jordan dan Perubatan Mesir
		JUMLAH	1,075,000.00	

AKTIVITI 3: B35103 BANTUAN SERTA MERTA IPT DALAM DAN LUAR NEGARA

Objektif—Bantuan akan dikeluarkan kepada penuntut-penuntut anak Negeri Perlis yang berjaya melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi sebagai penyediaan asas ke pusat pengajian.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	2,586,600.00	3,520,000.00	3,925,000.00

Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Jumlah (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Catatan
Sarjana/ PHD	100	1,500	150,000.00	Sepenuh Masa
Ijazah	850	1,500	1,275,000.00	Dalam Negara
Ijazah	350	2,000	700,000.00	Luar Negara
Diploma	1100	1,000	1,100,000.00	
Sijil	1000	700	700,000.00	
JUMLAH	3400		3,925,000.00	

AKTIVITI 4: B35104 BANTUAN BIASISWA TINGGI ASNAF MAIPs DI KUIPs

Objektif—Peruntukan ini disediakan untuk membantu pelajar yang berasal dari Negeri Perlis dengan pemberian biasiswa tinggi asnaf MAIPs di KUIPs.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	600,000.00	10,500,000.00

Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Jumlah (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Catatan
Ijazah	200	19,000.00	3,800,000.00	
Diploma	400	12,000.00	4,800,000.00	
Muallaf	100	19,000.00	1,900,000.00	
JUMLAH			10,500,000.00	

Jumlah peruntukan sebanyak RM10,500,000.00

AKTIVITI 5: B35105 PROJEK SENTUHAN KASIH—JPN

Objektif—Program Khas ini diwujudkan untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bimbingan untuk berjaya dalam pelajaran melalui kerjasama antara Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Majlis menyediakan peruntukan untuk membayar tuntutan mengajar daripada guru-guru yang dipilih.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	15,293.10	360,000.00	100,000.00

Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM100,000.00.

AKTIVITI 6: B35106 BANTUAN PENGURUSAN RUMAH ORANG TUA

Objektif—Majlis menyediakan peruntukan bagi pengurusan rumah orang tua di Negeri Perlis. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah seperti di dalam jadual.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	140,000.00	100,000.00

Rumah Perlindungan	Jumlah (RM)	Catatan
Kompleks Penyayang, Jejawi	20,000.00	Peruntukan Khas JKM
Rumah Sejahtera Baitulhanan	10,000.00	Majlis Kebajikan
Rumah Sejahtera Batu Bertangkup	10,000.00	Majlis Kebajikan
Rumah Sejahtera Alor Sena	10,000.00	Majlis Kebajikan
Program Outreach MAIPs	50,000.00	
JUMLAH	100,000.00	

AKTIVITI 7: B35107 KECEMASAN

Objektif—Kod bayaran ini adalah bagi menyalurkan bantuan kepada mereka yang menghadapi masalah dan memerlukan pertolongan serta merta/segera akibat berhadapan dengan situasi kecemasan. Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM50,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	1,900.00	50,000.00	50,000.00

AKTIVITI 8: B35108 PERKAMPUNGAN ASNAF MAIPs BATU BERTANGKUP

Objektif—Kod bayaran ini adalah bagi menyalurkan bantuan kepada Perkampungan Asnaf Batu Bertangkup. Kod perbelanjaan dikekalkan sebagai token sahaja berjumlah RM10.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	0.00	10.00

AKTIVITI 9: B35109 TAAWUN AR RIQAB

Objektif—Peruntukan ini disediakan berdasarkan agihan yang dibuat mengikut permohonan organisasi yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	14,870,212.00	20,000,000.00	25,000,000.00

Jumlah peruntukan sebanyak RM25,000,000.00.


AKTIVITI 10: B35110 PROGRAM KECEMERLANGAN PELAJAR ASNAF

Objektif—Peruntukan ini disediakan bagi tujuan pelaksanaan program bimbingan pelajaran dan ilmu, bagi membebaskan pelajar asnaf daripada belenggu kejahilan dan bantuan pelajaran zakat MAIPs.

Program ini dicadangkan supaya dilaksanakan oleh Perbadanan Pendidikan MAIPs. Jumlah peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM1,000,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	700,000.00	1,000,000.00

ASNAF GHARIMIN

CARTA 11

OBJEKTIF

Membantu masyarakat muslim yang dibelenggu hutang dharurat.

PELANGGAN

Golongan miskin, mudah miskin, golongan berhutang untuk perbelanjaan hajiat dan dharurat.

STRATEGI

Berusaha memberikan bantuan berdasarkan keperluan bagi melepaskan diri dari beban hutang dharurat.

RINGKASAN PERBELANJAAN ASNAF GHARIMIN

Kod Hasil	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 RM
KUMPULAN WANG ZAKAT (100)	
B36102 Menjamin Atas Hutang Syarak	10.00
B36104 Hutang Perubatan	200,000.00
B36105 Hutang Bencana Alam	10.00
B36106 Hutang Keperluan Asas	20,000.00
B36107 Menyelesaikan Hutang Si Mati yang Fakir dan Miskin	50,000.00
B36108 Hutang Membiayai Kos Pengeluaran Asas	50,000.00
B36109 Hutang Maslahan Masyarakat	50,000.00
B36110 Pusat Dialisis MAIPs	10.00
JUMLAH	<u>370,030.00</u>

JUSTIFIKASI PERBELANJAAN

PROGRAM 6: PEMBANGUNAN ASNAF GHARIMIN

AKTIVITI 1: B36102 MENJAMIN ATAS HUTANG SYARAK

Objektif—Peruntukan disediakan untuk menyelesaikan hutang-hutang asnaf yang tidak melibatkan riba atau perbelanjaan yang tidak patuh syarak.

Kod perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token sahaja berjumlah RM10.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	0.00	<u>10.00</u>

AKTIVITI 2: B36104 HUTANG PERUBATAN

Objektif—Peruntukan disediakan untuk menyelesaikan hutang-hutang rawatan perubatan bagi orang-orang Islam yang bukan fakir dan miskin dan tidak berkemampuan dengan syarat mendapat pengesahan daripada pihak hospital ataupun mana-mana pusat rawatan yang diiktiraf. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM200,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	5,000.00	200,000.00	200,000.00

AKTIVITI 3: B36105 HUTANG BENCANA ALAM

Objektif—Peruntukan disediakan untuk menyelesaikan hutang-hutang disebabkan kos baikpulih akibat bencana alam yang dialami.

Kod perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token sahaja berjumlah RM10.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	0.00	10.00

AKTIVITI 4: B36106 HUTANG KEPERLUAN ASAS

Objektif—Peruntukan disediakan untuk menyelesaikan hutang-hutang yang melibatkan keperluan asas seperti pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan makanan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	0.00	20,000.00

Peruntukan disediakan sebanyak RM20,000.00.

AKTIVITI 5: B36107 MENYELESAIKAN HUTANG SI MATI YANG FAKIR DAN MISKIN

Objektif—Peruntukan ini bertujuan membantu si mati yang mempunyai tanggungan hutang tetapi tidak mempunyai harta pusaka yang boleh membayar hutang atau ketiadaan waris. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM50,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	50,000.00	50,000.00

AKTIVITI 6: B36108 HUTANG MEMBIAYAI KOS PENGELUARAN ASAS

Objektif—Membantu mereka yang mempunyai tanggungan hutang bagi memenuhi keperluan masalah masyarakat. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM50,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	35,000.00	200,000.00	50,000.00

AKTIVITI 6: B36109 HUTANG MASLAHAH MASYARAKAT

Objektif—Bayaran bagi kos ini diperuntukkan sebanyak RM50,000.00.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	8,400.00	500,000.00	50,000.00

AKTIVITI 7: B36110 PUSAT DIALISIS MAIPs

Objektif—Peruntukan ini disediakan untuk membuat membina Pusat Dialisis MAIPs yang dipersetujui di Hospital Tuanku Fauziah.

Kod perbelanjaan ini dikekalkan sebagai token sahaja berjumlah RM10.00

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	0.00	2,500,000.00	10.00

ASNAF FISABILILLAH

CARTA 12

OBJEKTIF

Membantu masyarakat muslim yang menjalankan program dan aktiviti yang lebih baik dan bermanfaat di jalan Allah S.W.T.

PELANGGAN

Masyarakat muslim secara keseluruhan.

STRATEGI

Berusaha memberikan bantuan kepada mereka yang menjalankan program dan aktiviti yang menjurus ke arah kebaikan dan bermanfaat di sisi Allah S.W.T.

RINGKASAN PERBELANJAAN ASNAF FISABILILLAH

Kod Hasil	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 RM
KUMPULAN WANG ZAKAT (100)	
B37101 Saguhati Guru Agama Majlis	3,850,600.00
B37102 Saguhati Pegawai-pegawai Masjid	1,399,680.00
B37103 Agihan Aktiviti Kelas Membaca Al-Quran	50,000.00
B37104 Saguhati Penerangan Agama (Penceramah Fardhu Ain)	50,000.00
B37105 Penyelenggaraan Masjid, Surau dan Tanah Perkuburan	1,025,000.00
B37106 Program Dakwah dan Kemasyarakatan MAIPs	7,000,000.00
B37107 Instituti Pendidikan Islam	7,935,000.00
B37109 Asrama Rumah Mesir	350,000.00
B31110 Institut Sunnah	450,000.00
B37111 Ta'awun Fisabilillah	25,000,000.00
B37112 Saguhati Pembimbing Hafiz	20,000.00
B37114 Penyelenggaraan Pusat Komuniti Islam	250,000.00
B37115 Projek Peningkatan Ekonomi Asnaf	50,000.00
JUMLAH	47,430,280.00

JUSTIFIKASI PERBELANJAAN

PROGRAM 7: PEMBANGUNAN ASNAF FISABILLAH

AKTIVITI 1: B37101 SAGUHATI GURU AGAMA MAJLIS

Objektif—Memberi elaun/saguhati sebagai insentif bulanan kepada guru agama, guru Al-Quran, guru tadika Islam atau mubaligh atas sumbangan dalam penghayatan agama Islam. Bayaran dibuat berdasarkan tuntutan yang diterima daripada Jabatan Agama Islam Perlis/Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Jumlah yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

Penerima	Bilangan	Sebulan	Setahun
Guru Tadika Islam	45	400.00	216,000.00
Pembantu Tadika Islam	22	400.00	105,600.00
Guru Majlis	50	800.00	480,000.00
Guru Al-Quran Majlis	30	500.00	180,000.00
Kursi MAIPs-KUIPs	5	5,000.00	300,000.00
Guru KAFA	550	300.00	1,980,000.00
Insentif Guru KAFA	450		450,000.00
Insentif Guru/Pembantu Tadika	67		67,000.00
Mubaligh JAIPs	4	1,500.00	72,000.00
JUMLAH			3,850,600.00

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	168,200.00	541,200.00	3,850,600.00

AKTIVITI 2: B37102 SAGUHATI PEGAWAI-PEGAWAI MASJID

Objektif—Memberi elaun/saguhati sebagai insentif kepada Pegawai Masjid atas sumbangan dalam penghayatan agama Islam. Bayaran dimasukkan terus ke tabung amanah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	1,399,680.00	1,399,680.00	1,399,680.00

Peruntukan yang disediakan ialah RM1,399,680.00

Pegawai	Bilangan	Kadar Sebulan (RM)	Jumlah Setahun (RM)
Bilal	192	262.50	604,800.00
Siak	192	230.00	529,920.00
Penjaga Kawasan	96	230.00	264,960.00
JUMLAH			1,399,680.00

AKTIVITI 3: B37103 AGIHAN AKTIVITI (KELAS MEMBACA AL-QURAN)

Objektif—Peruntukan ini disediakan kepada guru-guru bagi mengajar Al-Quran melalui Jam'iyah Perlis.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	16,575.00	50,000.00	50,000.00

Peruntukan yang disediakan ialah RM50,000.00.

AKTIVITI 4: B37104 SAGUHATI PENERANGAN AGAMA (PENCERAMAH FARDHU AIN)

Objektif—Peruntukan ini dikhususkan untuk membayar saguhati penceramah zakat, pembiayaan bengkel dan seminar yang dianjurkan oleh Majlis bertujuan untuk menghebahkan kepada masyarakat umum.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
Bil. Bantuan yang diluluskan (RM)	1,730.00	50,000.00	50,000.00

Peruntukan yang disediakan ialah RM50,000.00.

AKTIVITI 5: B37105 PENYELENGGARAAN MASJID, SURAU DAN TANAH PERKUBURAN

Objektif—Penyelenggaraan masjid adalah bayaran bagi kos utiliti seperti elektrik dan air yang terpaksa ditanggung oleh masjid dan surau yang mempunyai masalah kewangan untuk membayarnya. Bayaran akan dibuat mengikut kelulusan pengurusan MAIPs.

Peruntukan ini termasuk sumbangan peruntukan tahunan MAIPs RM5,000.00.

Penerima	Bilangan	Jumlah
Masjid	105 x RM5,000	525,000.00
Penyelenggaraan		500,000.00
JUMLAH		1,025,000.00

